

Kuala Nerus

Sepanjang April hingga Oktober adalah bulan paling dinanti-nanti pemburu 'si tulang lembut' kerana jumlah dan hasil tangkapan lumayan mampu diperolehi.

Khalid Hashim, 40, dari Kampung Baru Seberang Takir dekat sini, berkata, dia hanya memfokuskan menjalankan aktiviti mencandat sotong sepanjang April hingga Ogos.

Menurutnya, musim sekarang sotong mudah diperolehi dan menjadi 'fenomena' apabila pengunjung dalam dan luar negeri juga tertarik untuk melakukan aktiviti mencandat.

Katanya, sebagai seorang nelayan sememangnya dia ke laut setiap hari namun sekiranya ada permintaan membawa pemancing dia menyewakan botnya bagi tujuan mencandat.

"Alhamdulillah, musim sotong sekiranya ada rezeki saya mampu memperoleh pendapatan antara RM200 hingga RM1,200 sehari bergantung hasil tangkapan.

"Kerja sebagai nelayan pendapatan bergantung kepada hasil diperolehi, sehari kalau tiada tangkapan pun pernah berlaku...lebih 100 kilogram (kg) hasil diperolehi pun ada," katanya menjadi nelayan sejak berusia 11 tahun.

Menurutnya, pernah dua hari dia tidak pulang kerana berkampung di 'kandang' sotong dan persiapan awal dibuat dengan membawa bekalan petrol, air batu dan makanan mencukupi.

Katanya, jarak sejauh lapan hingga 15 batu nautika memadai untuk mencari lubuk sotong dan hasil diperolehi dijual bergantung kepada harga semasa yang dibeli pemborong antara RM25 hingga RM28 sekilogram.

Suhaimi Sharifudin, 47, dari Kampung Seberang Takir, berkata, April merupakan pembuka tirai bagi aktiviti mencandat sotong di negeri ini dan sebagai nelayan dia lebih memfokuskan mendapatkan hasil laut berkenaan.

"Hasil tidak menentu antara 20kg hingga 90kg mampu diperolehi dan harga bergantung kepada pemborong antara RM27 hingga RM29 sekilogram.

"Namun, harga boleh meningkat apabila hasil tangkapan sotong menu-



“Musim sotong, sekiranya ada rezeki saya mampu peroleh antara RM200 hingga RM1,200 sehari”
Khalid

run dan bekalan di pasaran sedikit," katanya.

Menurutnya, musim mencandat seakan-akan satu tarikan kerana ramai nelayan menyewakan bot mereka untuk dijadikan aktiviti *sport fishing*.

Ahmad Kamal Hashim, 38, berkata, musim mencandat menjadi lubuk rezeki bagi nelayan selain menyewakan bot kepada kaki pancing, mereka juga turun mencandat sekiranya bot tidak disewa.

"Bagi saya yang tidak menyewakan bot, memilih ke laut mencandat sotong kerana permintaannya yang amat tinggi sepanjang masa.

"Saya bersama rakan turun ke laut jam 6 petang dan pulang jam 7 pagi dengan jarak perjalanan 17 batu nautika untuk ke lokasi mencandat," katanya.

Menurutnya, musim sotong biasanya dia tidak pulang dengan tangan kosong kerana tetap mendapat hasil walaupun sedikit.

KHALID menunjukkan sotong yang diperolehi melalui aktiviti mencandat.

Pemburu 'si tulang lembut'

Ketibaan musim mencandat sotong dari April hingga Oktober limpahan rezeki buat nelayan



SUHAIMI (kanan) dan Ahmad Kamal menunjukkan hasil yang diperolehi mereka daripada aktiviti mencandat.